

02/07/2003

Sharifah menjadi buruan penerbit drama

Salbiah Ani

SHARIFAH Abu Salem, lahir sebagai penulis kerana bakat, kerajinan mencari

ilmu daripada mereka yang lebih berpengetahuan dan berani mencuba sehingga

mencipta nama dalam dunia penulisan skrip drama, novel dan cerpen.

Beliau

pernah mengikuti kursus intensif penulisan kreatif dan kewartawanan di Universiti Sains Malaysia (USM) sesi 82/83 di bawah bimbingan Dr Fatimah Busu, Prof Emeritus Datuk Dr Shahnon Ahmad. Sharifah yang bertugas sebagai

Editor Kanan di Kumpulan Karangkrif Sdn Bhd menjadi buruan penerbit drama

televisyen seperti yang dapat dilihat antaranya melalui drama Rahsia Demi

Rahsia (36 siri), Cik Yah Balik Kampung (26 siri), Julia, Anakku Nik Aziz,

Misteri Karina, Tempias Rindu, Kiambang Sudah Bertaut, Aniversari Hitam, Pemain Ombak dan Dosa Semalam. Kini beliau dalam proses menangani novel terbarunya, Janji Diana (diadaptasi daripada filem), Pesona Rindu dan Versi Mimpi. Ikuti wawancara wartawan Sastera dan Budaya, SALBIAH ANI bersama pengarang ini.

SAYA perhatikan Sharifah banyak terbabit dalam penulisan skrip drama. Apakah kerana Sharifah kenal dengan penerbit tertentu?

Saya menulis skrip drama radio sejak berusia 16 tahun dengan memberi tumpuan kepada program seperti Belia Bergerak Maju, Perajurit dan Bila Kelopak Berkembang. Temanya pada masa itu bertumpu kepada kekeluargaan dan

percintaan. Sekali sekala saya menulis skrip drama purba. Saya tidak pernah kenal penerbit pada masa itu. Ketika berada di tingkatan satu, saya

sudah memberanikan diri ke Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan menghadiri majlis puisi. Masa itu saya aktif dengan kegiatan sastera yang berlangsung

di Ulu Langat dan Kajang.

Apakah Sharifah pernah mengikuti bengkel Minggu Penulis Remaja (MPR)?

Sebenarnya saya pernah berguru dengan Prof Madya Rahman Shaari yang mengarahkan saya menulis 30 puisi untuk dinilai dan dihantar ke media massa. Saya juga pernah mengikuti bengkel penulis Mansor Mohd Saman ketika

berusia 17 tahun. Bagaimanapun minat dan bakat saya banyak membantu.

Saya

juga rajin bertanya kepada Allahyarham Pak Sako yang kebetulan tinggal sekampung dengan saya.

Mungkinkah sastera dapat menyumbang ke arah pembentukan jati diri Melayu?

Bagi saya jati diri Melayu sudah lahir sejak wujudnya tamadun Melayu.

Ia

disebut semula sebab jati diri Melayu semakin berkurangan. Pemimpin

politik mahu bangsa Melayu balik kepada jati diri mereka. Bagi saya sastera sudah lama memainkan peranan dalam memperjuangkan jati diri Melayu. Lihat saja Angkatan Sasterawan 50 (Asas 50). Mereka memperjuangkan

nasib Melayu sekalipun bukan dari segi ekonomi. Mereka memperjuangkannya atas kesedaran politik dan semangat sastera dalam usaha membentuk keperibadian orang Melayu. Jati diri perkara baru kepada generasi muda. Mereka yang lahir tahun 40-an dan 50-an mungkin menggunakan istilah yang berbeza. Semangat orang Melayu mahu merdeka dan cintakan negara adalah juga jati diri. Karya sekarang tidak banyak mengembalikan jati diri Melayu. Saya percaya hanya beberapa penulis yang mampu menulis karya sedemikian.

Kenapa agaknya ini berlaku?

Penulis generasi baru menulis berdasarkan apa yang berlaku pada masa ini. Kita tiada peperangan dan tiada lagi penjajahan. Kita lebih kepada kemelut ekonomi dan pengaruh Barat. Isu jati diri timbul pada zaman hampir

dan selepas kemerdekaan. Mereka memikirkan apa yang perlu dicapai dan mengisi kemerdekaan. Sekarang kerajaan menekankan jati diri Melayu kerana

mahu generasi hari ini sedar mengenai aspek ini.

Kita sibuk mengenai sastera tetapi perkara ini langsung tidak disentuh dalam Perhimpunan Agung Umno yang baru berlalu?

Kebanyakan orang sastera tidak gemar berpolitik dan kerana itu isu sastera tertinggal dalam agenda politik. Kita tidak tahu apa yang berlaku

sebelum berlangsungnya Perhimpunan Agung Umno. Mungkin isu sastera ada diketengahkan pada peringkat bahagian. Saya percaya sastera akan turut dibahaskan dalam Perhimpunan Agung Umno sekiranya ada sasterawan yang berminat dengan politik.

Komen Sharifah mengenai sastera Malaysia hari ini?

Sastera Malaysia agak malap. Sejak akhir-akhir ini tiada publisiti mengenai kegiatan sastera di media massa. Kalau adapun mengenai teater. Masyarakat tidak melihat sastera sebagai suatu yang penting dalam era globalisasi ini?

Orang sastera tetap menganggap sastera penting sekalipun orang di luar dunia ini menganggap ia boleh diketepikan. Ada pemimpin yang berminat tetapi kempen kerajaan lebih memberi penekanan kepada ekonomi, sains dan teknologi maklumat.

Apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berpuisi, lahirlah orang politik yang turut menjadi deklamator segera. Komen Sharifah mengenai perkara ini?

Saya melihat Dr Mahathir sebagai pemimpin yang mengetahui cita rasa orang bawahannya dan kerana itu beliau menggunakan puisi sebagai wadah untuk menyampaikan buah fikiran kerana sesetengah rakyat Malaysia meminati

sastera.

Khabarnya novel tebal Sharifah mendapat sambutan. Sudah berapa novel sedemikian yang dihasilkan?

Empat semuanya iaitu Tak Seindah Mimpi, Tak Semanis Impian, Gerimis Di Hati dan Masihkah Ada Kasih. Saya turut menghasilkan novel adaptasi, Salam

Taj Mahal dan Surah Terakhir manakala Janji Diana yang diadaptasi daripada

filem sedang ditangani.

Di antara keempat-empat novel tebal ini, yang manakah mendapat sambutan menggalakkan di pasaran?

Tak Seindah Mimpi yang dijual pada harga RM 24 senaskhah dan kini sudah

sudah melalui ulang cetak keenam. Sambungan Tak Seindah Mimpi, Tak Semanis Impian yang cetakan pertamanya 30,000, kini sudah melalui ulang cetak kedua iaitu 20,000. Novel adaptasi Salam Taj Mahal mendapat sambutan menggalakkan ketika drama bersiri televisyen ini ditayangkan.

Komen Sharifah mengenai tanggapan bahawa novel terbitan Alaf 21 Sendirian

Berhad dan Creative Enterprise sebagai karya popular dengan konotasi 'ringan'?

Saya berpegang kepada pendirian bahawa novel yang diminati adalah karya

popular. Pada saya mengkategorikan novel popular sebagai ringan tidak adil. Bagaimanapun saya setuju dengan pembahagian karya picisan kerana cirinya sememangnya jelas. Sehingga hari ini belum ada definisi yang jelas

berhubung karya popular. Salina umpamanya bagi saya adalah sebuah karya besar tetapi popular.

Pembahagian teks Komponan Sastera Dalam Bahasa Melayu (Komsas) berdasarkan

kepada penulis muda, Sasterawan Negara (SN) dan seumpamanya seperti yang dilakukan pada masa ini tidak memberi bayangan pemilihan berdasarkan kepada kualiti sastera sesebuah karya. Komen Sharifah mengenai perkara ini?

Pecahan sedemikian tidak sepatutnya dilakukan. Sampai bila karya sastera

mahu berkembang. Begitu juga dengan pandangan dunia sastera milik orang lama. Jika demikian apa akan jadi kepada kami yang dianggap sebagai penulis karya popular. Ada baiknya pembahagian dilakukan berdasarkan kepada karya klasik, pra pasca merdeka dan selepas merdeka. Dengan kata lain pembahagian berdasarkan dekad. Dengan cara ini pelajar akan tahu perkembangan dunia penulisan menurut urutan.

Masyarakat secara umum tidak menerima sastera sebagai satu yang penting kerana mengutamakan kepentingan material. Novel hanya dibaca oleh mereka yang mempunyai banyak masa senggang?

Pemimpin selalu menguar-uarkan masyarakat malas membaca tetapi banyak novel terbitan Alaf 21 Sendirian Berhad mendapat sambutan. Sebenarnya masih ada masyarakat yang minat membaca. Saya akui karya serius banyak falsafah tetapi tidak ramai yang gemar membaca karya sedemikian. Sebab itu

penulis kena bijak mengambil isu dan mengolahnya dengan bahasa yang baik untuk menarik pembaca. Novel saya mengetengahkan elemen keluarga dan mendapat sambutan. Saya banyak mendapat surat daripada pembaca yang menyatakan mereka mencari masa untuk membaca. Satu malam satu novel. Mereka adakan masa untuk membaca dan bukan menunggu ada masa.

Antara drama, novel dan cerpen yang mana lebih memberi kepuasan?

Untuk saya ketiga-tiganya sama. Bagaimana drama hasilnya dapat dilihat secara visual dan cepat kerana saya terbabit dalam penulisan skrip drama televisyen. Novel pula memberi kesempatan untuk saya lebih menghayati dan

mendalami watak. Untuk saya menulis drama lebih mudah. Sebaik selesai

menulis skrip drama saya akan pindahkan ke novel.

Harapan Sharifah kepada mereka yang diamanahkan memilih teks untuk Komsas?

Berlaku jujur dan pilihlah karya yang mempunyai nilai kesusasteraan, bukannya kerana wujudnya hubungan antara penulis dengan panel pemilih.